

RAW 142 - Prinsip-Prinsip Rekaan Seni Bina

Tarikh: 2 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. Dengan menggunakan rajah-rajah tertentu, terangkan tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti seseorang arkitek di dalam mengendalikan projek pembinaan mengikut peringkat-peringkat berikut:
  - (a) Sebelum rekabentuk
  - (b) Rekabentuk
  - (c) Pembinaan
  - (d) Selepas pembinaan

( 25 markah )
  
2. Persembahan perspektif lazimnya dipraktiskan oleh pereka-bentuk dan arkitek untuk menghasilkan gambaran rekaan bangunan yang dicadangkan.
  - (a) Takrifkan makna perspektif dan nyatakan fungsinya di dalam proses rekabentuk.

...2/-

(b) Terangkan DUA (2) ciri penting aspek persepsi di dalam penggambaran perspektif.

( 25 markah )

3. Dengan menggunakan lakaran-lakaran, jelaskan bagaimana 'kepelbagaian di dalam gabungjalinan (variety in unity)' dapat dicapai di dalam rekabentuk berikut:

(a) Rekabentuk 2-dimensi

(b) Rekabentuk Ruangan

( 25 markah )

4. Ruang merupakan salah satu asas terpenting di dalam rekabentuk sesebuah bangunan.

Pilih TIGA (3) jenis ruang dan bincangkan dengan ringkas kepentingannya. Jawapan hendaklah disertakan dengan lakaran.

( 25 markah )

5. Ruang, Tekstur dan Pola merupakan unsur penting di dalam rekabentuk Seni Bina.

Dengan menggunakan contoh bangunan dan lakaran tertentu, jelaskan bagaimana unsur-unsur tersebut digunakan di dalam rekabentuk.

( 25 markah )

...3/-

6. Bincangkan dengan ringkas TIGA (3) daripada tajuk berikut. Jawapan mestilah disertakan dengan lakaran.

- (a) Paksi
- (b) Simetri
- (c) Hierarki
- (d) Pengulangan
- (e) Seni Bina Moden
- (f) Seni Bina Tradisional

( 25 markah )

